

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : KOSMO (Negara)

TARIKH: 10 FEBRUARI 2018

M/S: 16

## 20 balai bomba baharu dijangka siap pada tahun ini

**SEREMBAN** – Sebanyak 20 Balai Bomba dan Penyelamat baharu yang sedang dibina di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara dijangka siap pada tahun ini bagi memenuhi keperluan penduduk.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, sebanyak empat balai bomba dibina di kawasan bandar manakala baki 16 lagi dibangunkan di luar bandar.

“Balai Bomba dan Penyelamat ini sangat penting kerana kemudahan itu akan memudahkan anggota bomba tiba di lokasi tanpa memerlukan

masa yang panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 dan Sijil Perkhidmatan lebih 30 Tahun JBPM Negeri Sembilan di sini semalam.

Seramai 15 pegawai menerima Pingat Kebesaran Jabatan, 57 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 13 pegawai menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Lebih 30 Tahun.

Wan Mohd. Nor memberitahu, sehingga kini terdapat 14,000 pegawai dan anggota bomba tetap di seluruh negara.



WAN MOHD. NOR (tiga dari kiri) beramah mesra bersama sebahagian penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JBPM di Seremban 2, Seremban semalam.